

05/04/2004

Minta kebenaran sebelum dedah ujian HIV/Aids

KUALA LUMPUR: Doktor perlu mendapatkan kebenaran pesakit HIV/Aids terlebih dulu sebelum mendedahkan keputusan ujian HIV mereka kepada majikan, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir.

Beliau berkata, kebenaran perlu bagi memastikan hak penghidap HIV/Aids untuk mendapatkan pekerjaan terjamin.

"Ini adalah soal hidup penghidap HIV/Aids. Mereka berhak merahsiakan keputusan ujian itu diberi peluang secara adil untuk mendapatkan pekerjaan.

"Pada pendapat saya, jika doktor mendedahkan keputusan ujian itu tanpa kebenaran pesakit, dia sudah melanggar etika seorang doktor dengan mencabuli kerahsiaan maklumat pesakit," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan sebuah akhbar mengenai Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sedang menyiasat kes seorang doktor mendedahkan keputusan ujian HIV kepada majikan selepas menerima aduan daripada seorang pekerja.

Laporan yang memetik sumber itu mendakwa pekerja berkenaan menerima tawaran bersyarat daripada sebuah syarikat antarabangsa berpangkalan di negara ini selepas pendedahan yang dibuat doktor berkenaan.

Menurut laporan itu, pesakit berkenaan berpendapat doktor yang menjalankan ujian kesihatan itu melanggar peraturan hubungan pesakit dengan doktor apabila mendedahkan hasil ujiannya.

Sementara itu, majikan pesakit berkenaan memberikan alasan bahawa panel perubatan yang dilantik terikat dengan kontrak yang dipersetujui, termasuk memberikan hasil keputusan HIV dan penyalahgunaan dadah.

Menurut pakar perubatan, hasil siasatan MMA itu kelak akan memberikan kesan besar mengenai kerahsiaan maklumat pesakit.

Marina yang kecewa dengan kejadian itu berkata, doktor seharusnya lebih bertanggungjawab dan mengambil kira pelbagai faktor sebelum mendedahkan maklumat kepada majikan.